

Submission date: 10/10/2023 Accepted date: 10/10/2023 Published: 30/4/2023
DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.473>

**PENGAMALAN MEMINUM AIR KENCING UNTA: TINJAUAN
BERDASARKAN SINERGI ANTARA AL-TA 'LİL BI AL-ḤIKMAH DAN
SAINS**

*The Practice of Drinking Camel Urine: A Review Based on The Synergy Between
Al-Ta 'līl Bi Al-Ḥikmah and Science*

Md Azzaat Ahsanie bin Lokman^{a1}, Mohd Zaid bin Mustafar^{b2} & Khairul
Azhar bin Meerangani^{b3}

^{abc}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Melaka

¹mdazzaat@uitm.edu.my

²zaidmustafar@uitm.edu.my

³azharmeerangani@uitm.edu.my

Abstrak

Pelbagai reaksi muncul sama ada daripada orang awam mahupun ilmuwan Islam sendiri dalam menanggapi konsep pengamalan *Tibb Nabawī* khususnya beberapa isu kontroversi seperti sayap lalat dan air kencing unta. Justeru, kajian ini dilakukan bagi meneroka kaedah berinteraksi dengan *Tibb Nabawī* khususnya terhadap isu meminum air kencing unta berdasarkan konsep *al-Ta 'līl bi al-Ḥikmah* yang diintegrasikan dengan data-data sains. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan metode analisis kandungan secara induktif dan komparatif terhadap hadis-hadis berkaitan air kencing unta, kitab-kitab fiqh dan kajian-kajian sains terkini khususnya terhadap manfaat perubatan yang wujud pada air kencing unta. Kajian ini merumuskan bahawa berdasarkan konsep *al-Ta 'līl bi al-Ḥikmah* pengamalan meminum air kencing unta perlu disandarkan kepada objektif dan hikmah utama ia disarankan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu untuk merawat penyakit tertentu dan hal ini amat bergantung kepada penyelidikan sains semasa dalam penentuannya. Analisis terhadap penyelidikan saintifik juga membuktikan bahawa wujud unsur atau elemen penyembuhan dan rawatan terapi dalam air kencing unta. Para saintis juga memperakui ia berpotensi untuk digunakan sebagai satu kaedah rawatan alternatif khususnya terhadap kanser. Walaupun kajian ini memperakui bahawa masih banyak

penyelidikan lanjutan yang perlu dilakukan dalam bidang ini, namun ia memberikan indikasi dengan jelas bahawa hikmah dan sains perlu diintegrasikan agar pelbagai manfaat dapat digali daripada setiap nas Syarak.

Kata Kunci: *Tibb Nabawī*, air kencing unta, hikmah saintifik, *al-Ta' l'il bi al-Ḥikmah*.

Abstract

Various reactions or approaches emerged from both the public and Muslim scholars in responding to the concept of practicing *Tibb Nabawī* especially on some controversial issues such as fly's wings and camel urine. Therefore, this study was conducted to explore the method of interacting with *Tibb Nabawī*, especially the issue of drinking camel urine through the concept of *al-Ta' l'il bi al-Ḥikmah* which is integrated with scientific data. This study is qualitative in nature and uses the method of content analysis both inductively and comparatively on the hadiths and *fiqhi* literatures related to camel urine and also the latest scientific studies especially on the medical benefits inherent in camel urine. This study concludes that based on the concept of *al-Ta' l'il bi al-Ḥikmah* the practice of drinking camel urine should be based on the main objective it was prescribed by Prophet Muhammad SAW which is to treat certain diseases and this is highly dependent on current scientific research in its determination. Analysis of scientific research also proves that there are elements of healing properties and therapeutic treatment in camel urine. Scientists also acknowledge that it has the potential to be used as an alternative treatment method especially against cancer. Although this study acknowledges that there is still a lot of further research that needs to be done in this field, it clearly indicates that wisdom and science need to be integrated so that various benefits can be extracted from each of Islamic text.

Keywords: Prophetic Medicine, camel urine, scientific wisdom, *al-Ta' l'il bi al-Ḥikmah*.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, sikap sebilangan umat Islam terhadap perubatan dan pemakanan sunah yang disarankan oleh Nabi SAW seperti yang diperlihatkan menerusi hadis-hadis tentang kelebihan dan manfaat yang wujud pada susu ibu, madu, kurma, *habbatus sauda*, kismis, buah zaitun, buah tin dan lain-lain merupakan sikap atau pendekatan untuk memahami hadis-hadis tersebut secara literal atau secara mutlak (*at face value*). Mereka berpegang bahawa pemakanan sunnah sudah memadai untuk diamalkan secara tabii (*natural*) atau secara langsung kerana ia disebut secara jelas dalam al-

Quran dan Hadis. Menurut mereka, apa sahaja yang disebutkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW pasti akan memberikan manfaat tanpa bahas.

Dalam masa yang sama, golongan ini turut memperlekehkan perubatan sains moden dan meyakini ia merupakan agenda Yahudi untuk merosakkan dan menghapuskan umat Islam, merupakan produk orang kafir yang tidak sepatutnya diterima oleh umat Islam dan sebagainya. Ubat-ubatan konvensional pula dikatakan mengandungi bahan-bahan kimia yang tidak patut dimasukkan ke dalam tubuh manusia kerana ia hanya akan merosakkan. Lebih jauh lagi, golongan ini membentuk pandangan yang agak janggal dengan menolak sains moden secara umumnya sehingga digelar sebagai golongan anti-vaksin, *flat-earth*, percaya kepada konspirasi dan sebagainya (Ramli, Tengku Md Fauzi & Mohd Razif, 2019; F. Arif et al., 2019).

Sikap dan pegangan sebegini merupakan satu pegangan tanpa asas ilmu yang kukuh. Sedangkan Islam menuntut umatnya berpegang kepada fakta dan data yang terbukti melalui kaedah penyelidikan yang sistematik dan diperakui. Pengamalan secara emosional dan selektif terhadap pemakanan sunnah atau perubatan Nabi SAW sehingga tidak menghiraukan sebarang kajian saintifik terkini merupakan sikap yang tidak diperakui Islam (Norkumala, 2020). Kesemua ini merupakan krisis pemikiran yang melanda umat Islam masa kini seperti yang disebutkan oleh al-Qaradāwī (2002) khususnya dalam memahami kaedah berinteraksi dengan sunnah Nabi SAW.

Dari perspektif yang lain, isu ini penting untuk dibincangkan kerana ia bakal mendatangkan salah faham golongan bukan Islam terhadap Syariat Islam. Berdasarkan pemerhatian, sememangnya golongan bukan Islam sering memandang serong serta memfitnah Islam dengan menggunakan isu air kencing unta. Mereka menjadikan isu ini sebagai senjata untuk menyerang Islam dengan menyatakan bahawa Islam adalah agama yang jumud, kolot, kuno, tidak saintifik, jijik dan sebagainya. Lebih menyedihkan, segelintir umat Islam juga turut terpengaruh dengan pemikiran sebegini.

Al-Ta‘lil bi al-Ḥikmah

Al-Ta‘lil bi al-Ḥikmah merupakan salah satu konsep yang dibincangkan dalam Usul Fiqh. Menurut al-Jurjānī, *al-Ta‘lil* bermaksud (1) menerangkan sebab sesuatu sama ada secara sempurna atau tidak; dan (2) menetapkan pensabitan *mu‘athir* untuk mensabitkan *athar* atau mengenal pasti kewujudan pemberi kesan yang memberi kesan. *Al-Ta‘lil* dengan makna yang umum pula bermaksud hukum Syarak diletakkan untuk kebaikan dan manfaat hamba-Nya. Ini bermakna hukum Allah SWT itu disandarkan kepada meraikan *maṣlahah* dan menolak mafsadah daripada manusia (Al-Raysūnī, 1992). *Al-Ta‘lil* dengan makna yang khusus pula bermakna penerangan tentang *illah-illah* (sebab dan alasan) hukum Syarak, sifat-sifatnya, cara-cara dan

kaedah mengistinbatkan serta metode mengeluarkannya yang dikenali sebagai *masālik al-'illah* yang dibincangkan dalam bab *al-Qiyās* (Mu'adh Nānī, 2019).

Kecenderungan sebahagian ulama kontemporari ialah kepada pentakrifan yang berbentuk umum kerana ia mempunyai kaitan yang lebih rapat dengan perbincangan Maqasid Syariah. Menurut cendekiawan Syariah, konsep *al-Ta'ālil* amat penting dalam pembinaan hukum Islam kerana tanpanya hukum-hukum akan kekal statik dan tidak mampu berkembang luas untuk mencakupi pelbagai isu-isu yang baharu timbul yang memerlukan kepada jawapan hukum (Ridzwan Ahmad, 2008). Justeru, menerusi konsep *al-Ta'ālil* hukum fiqh mampu dijana dengan bersandarkan kepada kehendak Syarak dan tidak dilakukan secara semberono atau semata-mata menggunakan akal dan hawa nafsu.

Al-Ta'ālil bi al-Hikmah pula bermaksud menjadikan hikmah yang diingini Syarak sebagai alasan hukum. Secara umumnya, para ulama mengatakan hikmah tidak sesuai dijadikan alasan hukum kerana sifatnya yang tersembunyi (*khafī*) dan sukar diketahui melainkan dengan usaha yang amat susah serta ia tidak seragam berlaku kepada semua orang secara saksama (*muḍṭarib*). Namun demikian, majoriti para ulama bersetuju untuk menggunakan hikmah sekiranya dan hanya apabila hikmah tersebut menepati syaratnya (al-Ḥukmī, 1994). Sudah tentu sebagai sebuah kaedah yang digunakan dalam pembinaan hukum Islam, penggunaan *al-Ta'ālil bi al-Hikmah* perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama misalnya hikmah mestilah *zāhir* dan *muḍṭarib* (Rāid Naṣrī, 2007).

Namun demikian, walaupun hikmah tidak dapat dijadikan sandaran hukum kerana ia tidak menepati syarat-syaratnya, tetapi penggalian hikmah yang diingini Syarak daripada suruhan dan larangannya adalah suatu eksplorasi yang perlu diteruskan dari semasa ke semasa dan tidak seharusnya berhenti (Rāid Naṣrī, 2007). Penggalian ini juga tidak semestinya dihadkan kepada kaedah pemikiran, penaakulan dan ilham semata-mata, bahkan penyelidikan secara saintifik juga perlu dioptimumkan untuk penggalian hikmah pensyariatannya dan objektifnya.

Apabila seseorang menjadikan konsep *al-Ta'ālil bi al-Hikmah* sebagai pola pemikirannya, maka objektif Syarak menjadi suatu yang penting dalam setiap sudut pandangannya. Ini pasti memberikan kesan positif terhadap *worldview* berhubung pertalian yang erat antara Syariah dengan kehidupan. Ia sekali gus mampu membuahkan impak positif perbincangan ilmu Maqasid Syariah dalam memperkasakan peranan Syariah dalam kehidupan. Hal inilah yang berlaku terhadap *worldview* dan minda Syariah yang ditonjolkan oleh tokoh seperti Mohd Daud Bakar (2021). Walaupun penggalian beliau terhadap hikmah dan maksud Syarak ini

diperakui sendiri oleh beliau bahawa ia tidak semestinya sesuai dijadikan sandaran dalam disiplin Fiqh dan Usul Fiqh, namun ia tetap boleh dijadikan sandaran dan panduan dalam pelbagai dimensi kehidupan.

Kaitan dan hubungan *al-Ta‘lil bi al-Hikmah* dengan *Ṭibb Nabawī* adalah kaedah berinteraksi yang paling sesuai dalam menanggapi isu-isu yang berkaitan dengannya dalam zaman moden ini iaitu menerusi pemerkasaan kefahaman terhadap elemen objektif, matlamat dan tujuan Syarak agar pelaksanaan dan pengamalannya dalam kalangan umat Islam benar-benar menepati kehendak Syarak dan merealisasikan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah*. Penggunaan kerangka konsep *al-Ta‘lil bi al-Hikmah* juga menonjolkan sisi penting usaha melakukan integrasi antara Syariah dan sains seperti keperluan terhadap kajian saintifik dilakukan untuk mengetahui keberkesannya. Dengan menganalisis kajian-kajian saintifik terhadap air kencing unta, maka isu ini dapat dihuraikan dan diteliti dengan lebih baik menggunakan kerangka konsep *al-Ta‘lil bi al-Hikmah*.

Penelitian terhadap kajian-kajian sains juga perlu dilakukan secara berhati-hati, secara menyeluruh dan tidak semberono dengan memastikan kajian yang sah dan dipercayai sahaja yang akan diterima untuk dianalisis bagi mengelakkan sebarang dakwaan yang tidak berasaskan kajian yang sistematik, kukuh dan telus. Justeru, usaha untuk memperjelaskan amalan meminum air kencing unta dari aspek saintifik berdasarkan konsep *al-Ta‘lil bi al-Hikmah* merupakan suatu perkara yang penting untuk dilakukan agar kesalahfahaman dua golongan yang disebutkan sebelum ini tidak semakin menular dan membarah dalam pemikiran umat Islam yang lain sehingga keadaan menjadi semakin parah dan merosakkan cara berfikir mereka dalam menanggapi isu-isu keagamaan dan keselariannya dalam kehidupan.

Air Kencing Unta Dari Sudut Fiqh

Rasulullah SAW pernah menyarankan untuk meminum air kencing unta sebagai satu usaha penyembuhan penyakit. Kenyataan ini berdasarkan kepada sebuah hadis iaitu:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ قَدِمَ أَنَا نَسٌ مِنْ عَكْلٍ أَوْ عُزَيْبَةَ فَاجْتَوَوْا الْمَدِينَةَ فَأَمَرَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِلِقَاحٍ وَأَنْ يَشْرَبُوا مِنْ أَبْوَالِهَا وَالْبَائِبِهَا فَانْظَلَقُوا فَلَمَّا صَحُّوا قَتَلُوا رَاعِي النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَسْتَأْفُوا التَّعَمَّ...

Terjemahan: *Anas bin Mālik RA berkata telah datang beberapa orang dari kaum ‘Ukal atau ‘Uraynah ke Madinah, sedangkan cuaca kota Madinah tidak sesuai dengan mereka (lantas menyebabkan mereka selalu jatuh sakit). Lalu Rasulullah SAW menyuruh mereka mencari unta betina yang sedang menyusukan dan menyuruh pula mereka supaya minum air kencing dan susu unta itu. Mereka pergi dan melakukan apa yang dianjurkan Nabi SAW sehinggalah mereka sihat, lalu mereka membunuh pengembala unta Nabi SAW dan membawa pergi unta-untanya...* (al-Bukhārī, 1422H; Muslim, t.t.).

Wujud perselisihan pandangan dalam kalangan fuqaha tentang status air kencing unta sama ada ia najis atau tidak. Menurut Wahbah al-Zuhaylī (2008) terdapat kategori najis yang disepakati oleh semua fuqaha seperti daging babi, bangkai, darah dan sebagainya serta kategori yang diperselisihkan seperti air kencing unta. Mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat air kencing binatang yang halal dimakan dagingnya dikategorikan sebagai suci dan tidak najis. Hujah mereka adalah hadis anjuran Nabi SAW untuk meminum air kencing unta seperti yang dinyatakan di atas. Rasulullah SAW juga tidak menyuruh untuk membasuh mulut atau baju selepas meminumnya. Penghujahannya jika air kencing unta adalah najis, maka Rasulullah SAW tidak akan menyuruh berubat dengannya (Ibn Taimiyyah, 1995) kerana tidak dibenarkan berubat dengan sesuatu perkara yang najis.

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الدواء الخبيث

Terjemahan: “Rasulullah SAW melarang (berubat) dengan ubat-ubatan yang najis” (al-Bukhārī, 1422H; Abū Dawd, t.t.).

Dari sudut *penta 'tilan* hukum (pencarian alasan hukum) pula, prinsip ‘illahnya adalah sesuatu yang keluar daripada binatang yang halal dimakan dagingnya maka ia tidak najis. Jika haiwan itu makruh dimakan dagingnya pula, maka air kencingnya juga makruh. Demikian juga, haiwan yang makan dan minum makanan yang kotor dan najis (*jallālah*) turut dikategorikan sebagai najis. Ekoran itu, berubat dengan air kencing unta, kambing atau lembu adalah diharuskan kerana ia bukan najis. Pandangan ini selari dengan pegangan mereka yang tidak membolehkan berubat dengan bahan-bahan yang haram dan najis secara mutlak.

Mazhab Syafie dan Hanafi pula berpandangan air kencing unta adalah najis, manakala saranan Nabi SAW untuk berubat dengan air kencing unta hanyalah dalam keadaan darurat terutama jika tidak didapati ubat yang suci (al-Syarbīnī, 2006). Mereka berpegang dengan kenyataan umum hadis Nabi SAW yang menunjukkan bahawa air kencing dan tahi manusia merupakan najis seperti suruhan Nabi SAW untuk membersihkan air kencing seorang Arab Badwi di dalam masjid Nabawi:

عن أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ أَعْرَابِيٌّ قَبَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَتَنَاوَلَهُ النَّاسُ فَقَالَ لَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعُوهُ وَهَرِّقُوا عَلَى بَوْلِهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ أَوْ دَنُوبًا مِنْ مَاءٍ فَإِنَّمَا يُعْتَمُّ مَيْسَرِينَ وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ

Terjemahan: Daripada Abū Hurairah, beliau berkata, “Seorang Arab Badwi berdiri dan kencing di Masjid, lalu orang ramai memarahinya. Maka Nabi SAW pun bersabda kepada mereka: “Biarkanlah dia dan siramlah bekas kencingnya dengan

setimba air, sesungguhnya kalian diutus untuk memberi kemudahan dan tidak diutus untuk membuat kesulitan” (al-Bukhārī, 1422H).

Perintah Rasulullah SAW untuk menyiram bekas air kencing dengan air menunjukkan air kencing itu najis, termasuk di dalamnya air kencing haiwan yang boleh dimakan seperti unta dan kambing. Justeru, semua jenis sisa kotoran haiwan adalah sama statusnya dengan sisa kotoran manusia (al-Zuhaylī, 2008). Selain itu, Allah SWT mengharamkan sesuatu yang jijik dan kotor sedangkan air kencing itu kotor di sisi tabiat atau fitrah manusia, maka pengharaman sesuatu yang kotor adalah *tanjīs* (penetapan sesuatu itu adalah najis) oleh Syarak (al-Kāsānī, 2004). Ini merupakan pemakaian kaedah *qiyās*.

Air Kencing Unta Sebagai Kaedah Rawatan Penyakit

Kendatipun, pengajaran yang diperoleh melalui perbincangan di atas adalah Rasulullah SAW membenarkan penggunaan air kencing unta untuk diminum bagi tujuan perubatan. Ini menunjukkan di dalam air kencing unta wujud unsur atau elemen perubatan yang dapat menyembuhkan penyakit. Ibn al-Qayyim (1994) memetik kata-kata Ibn Sīnā yang menyatakan, “dan air kencing yang paling bermanfaat adalah air kencing unta *A‘rabi* (unta satu punuk yang biasa digunakan untuk mengangkut barang) dan *Najīb* (unta kuat yang berlari cepat).”

Kaedah berubat dengan air kencing unta ini sudah diamalkan sejak zaman silam lagi, malah ia turut diperakui oleh para doktor perubatan Muslim silam seperti Ibn Sīnā, al-Suwaydī, Ibn al-Azraq (m.890H) dan lain-lain (Ibn al-Azraq, t.t.). Majoriti masyarakat Arab pada hari ini juga memang mengamalkan meminum air kencing unta yang dicampurkan dengan susunya, bahkan harga bagi sebotol air kencing unta lebih mahal daripada sebotol susunya.

Meski demikian, untuk mengaplikasikan kaedah perubatan menggunakan air kencing unta pada zaman ini, penyelidikan saintifik yang mendalam adalah diperlukan bagi memastikan ia benar-benar dapat memberikan impak penyembuhan daripada penyakit dengan pasti. Ini kerana saranan dan anjuran Nabi SAW dari sudut perubatan tidak dapat diamalkan dan diaplikasikan pada zaman kini secara terus atau langsung memandangkan wujud pelbagai faktor atau unsur yang mempengaruhi sesuatu hasil penyembuhan.

Unsur-unsur ini membezakan sesuatu hasil penyembuhan dengan penyembuhan yang lain, antara individu dengan individu yang lain dan sebagainya. Antara unsur-unsur tersebut adalah tempat yang berbeza, zaman yang berubah, kondisi individu, gaya pemakanan dan gaya hidup, jenis penyakit yang berbeza, kaedah dan prosedur rawatan dan sebagainya. Justeru, penggunaan air kencing unta bagi tujuan perubatan

perlu diselidiki dan difahami menerusi penyelidikan saintifik terlebih dahulu sebelum ia dapat diterapkan sebagai salah satu kaedah rawatan dan penyembuhan penyakit.

Hal ini bukan bertujuan untuk menafikan apa yang diucapkan oleh Nabi SAW. Malah, umat Islam perlu mengakui bahawa apa sahaja yang disebutkan oleh Nabi SAW adalah merupakan wahyu. Justeru, pandangan yang melihat *Ṭibb al-Nabawī* sebagai produk kebudayaan Arab pada zaman Rasulullah SAW sahaja adalah tidak tepat dan tidak praktikal. Ia memberikan gambaran negatif kepada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang Rasulullah. Namun, dari sudut perubatan dan kaitannya dengan penjagaan nyawa yang amat dititikberatkan oleh Syariat Islam, isunya adalah bolehkah perubatan Nabawi dipraktikkan pada zaman sekarang secara langsung atau mutlak?

Jika diagnosis penyakit dan semua keadaan serta kondisi yang melatarbelakangi suasana pada zaman Nabi SAW itu adalah sama dengan masa kini, maka tidak ada masalah untuk mengaplikasikannya. Namun, dalam kebanyakan hal ia tidak sama. Perubahan pada patologi penyakit, genetik pesakit, genetik material yang digunakan untuk rawatan, perubahan cuaca dan suhu adalah antara perkara-perkara yang boleh menjadikan sesuatu saranan atau rawatan yang dianjurkan oleh Nabi SAW tidak lagi sesuai diamalkan dalam kondisi perubatan dan kesihatan pada zaman ini (Kasule, 2006).

Demikian juga, timbul persoalan perbezaan bahasa dan linguistik iaitu penggunaan bahasa yang sudah berubah. Apa yang dimaksudkan dengan demam pada masa dahulu mungkin sudah berbeza pada zaman ini. Kemungkinan tumbuhan yang disebutkan dalam hadis bukanlah tumbuhan yang sama pada masa kini. Oleh itu, dalam keadaan tersebut perubatan Nabi SAW ini boleh dianggap sebagai asas bagi memandu dan menggalakkan kajian saintifik dalam pencarian rawatan-rawatan yang sesuai dengan zaman moden (Kasule, 2006).

Omar Hasan Kasule (2006) melihat bahawa *Ṭibb Nabawī* perlu diklasifikasikan atau difahami menerusi konsep hukum yang menerima perubahan disebabkan faktor perbezaan masa, tempat, keadaan dan juga perkembangan ilmu. Skop *Ṭibb Nabawī* tidak sepatutnya dijadikan satu-satunya kaedah penyelesaian dalam semua masalah atau penyakit yang timbul. Demikian juga, al-Qaradāwī (2002) menyatakan bahawa hadis-hadis berkaitan *Ṭibb Nabawī* perlu difahami dalam konteks wasilah (*means*) dan bukan tujuan utama (*ends*). Hukum wasilah pula bergantung kepada tujuan atau *maqāṣidnya* iaitu penjagaan kesihatan dan nyawa manusia. Justeru, hukum wasilah boleh berubah sesuai dengan perubahan atau perkembangan untuk mencapai *maqāṣid* tersebut.

Tibb Nabawī dan pemakanan sunnah juga tergolong dalam skop cadangan Nabi SAW untuk mengubati penyakit dan menjaga kesihatan, ia bukan satu-satunya cara yang wajib diaplikasikan dalam penjagaan kesihatan atau rawatan (Sharaf Quḍāh, 2002). Dalam konteks ini, umat Islam tidak terikat untuk mengamalkannya secara ketat. Malah, Islam sebagai agama yang rasional menggesa umatnya untuk beramal dengan bersandarkan kepada ilmu yang konkrit dan mempunyai asas yang kukuh, bukan rasa-rasa atau berdasarkan emosi semata-mata.

Dalam isu air kencing unta ini juga, hadis-hadis tentangnya tidak pernah menyebutkan jenis penyakit yang dikehendaki untuk dirawat menggunakan air kencing unta tersebut. Jenis penyakit perlu ditentukan terlebih dahulu barulah rawatan yang tepat boleh diberikan kepada pesakit. Dalam hal ini, para doktor Muslim silam seperti Ibn al-Azraq (t.t.) dan juga Ibn al-Qayyim (t.t.) mempercayai bahawa penyakit yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah sejenis *dropsy* atau *istisqā'* (pengumpulan air dalam badan yang menyebabkan sakit perut). Ini adalah berdasarkan *tajribah* (eksperimen/pengalaman) yang dilakukan oleh doktor Muslim silam dalam ilmu perubatan (Ibn al-Azraq, t.t.).

Al-Nusaymī (1984) pula menyatakan bahawa ia sama ada salah satu daripada dua jenis penyakit: demam yang disebabkan oleh jangkitan gastrousus seperti demam kepialu yang disebabkan oleh pelbagai jenis bakteria *salmonella*; atau demam yang menyebabkan pesakit menggigil (*ḥummā al-barda'*). Jenis pertama menyebabkan pembengkakan perut dan usus, manakala yang kedua menyebabkan pembengkakan pankreas dan hati.

Walaupun bagaimanapun, apa yang jelas adalah hal ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa air kencing unta tidak dapat diamalkan secara langsung atau terus (*directly*) hanya kerana ia disebutkan dalam hadis. Ia tetap memerlukan kepada pengesahan pakar dan kajian saintifik yang berterusan untuk melihat manfaat dan keberkesannya dalam merawat jenis penyakit tertentu pada zaman kini.

Demikianlah pengamalan meminum air kencing unta dilihat daripada kerangka konsep *al-Ta'ālil bi al-Ḥikmah* yang memfokuskan kefahaman terhadap nas dari aspek manfaat dan mudarat serta objektif ataupun hikmah yang dikehendaki daripada nas tersebut dan bukan melihatnya dari aspek zahir atau literal semata-mata. Dari sudut ini, konsep *al-Ta'ālil bi al-Ḥikmah* mampu memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh yang selari dengan Maqasid Syariah sekali gus menjadikannya lebih komprehensif dan sesuai untuk dioptimumkan pada zaman moden kini.

Air Kencing Unta Dari Sudut Saintifik

Berdasarkan pencarian jurnal-jurnal saintifik menerusi PubMed dan Science Direct, didapati banyak kajian saintifik mengkaji unsur penyembuhan penyakit yang wujud

di dalam air kencing unta. Kajian-kajian tersebut mempersembahkan data-data saintifik membuktikan bahawa air kencing unta sebenarnya memang memiliki unsur penyembuhan penyakit. Ia mempunyai beberapa manfaat *therapeutic* dan beberapa jenis anti penyakit seperti anti-kanser, anti-bakteria, anti-inflammasi dan anti-mikrob serta turut mempengaruhi aktiviti kardiovaskular untuk meningkatkan kualiti kesihatan.

Saintis mendapati bahawa air kencing unta bersifat toksik (*cytotoxic*) terhadap sel kanser. Eksperimen yang dilakukan oleh Zahraa Alghamdi & Faten Khorshid (2012) dan Faten Khorshid (2008) menunjukkan air kencing unta melemahkan pertumbuhan sel kanser yang diberikan kepada haiwan termasuk sel-sel kanser *hepatocellular carcinoma* (HEPG2), *colon carcinoma* (HCT 116), sel glioma manusia (U251), sel kanser paru-paru dan sel leukemia.

Kajian lanjutan oleh Alhaider et al. (2011; 2014) juga menunjukkan air kencing unta mampu menyekat *Cyp11a1* iaitu sebuah gen yang mengaktifkan kanser dan juga menyekat *inflammatory angiogenesis* yang mampu menyuburkan tumor. Di antara sifat agen anti-kanser yang baik ialah ia dapat mencetuskan kematian sel kanser dan/atau menghalang percambahan sel-sel kanser tanpa memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan sel normal dan mengaktifkan sistem imun badan (Amanat Ali, Bincy Baby & Ranjit Vijayan, 2019). Ketiga-tiga ciri ini wujud pada air kencing unta (Nujoud Al-Yousef et al. 2012). Di samping itu, pelbagai ujian dilakukan secara *in vivo* dan *in vitro* menunjukkan keupayaan air kencing unta untuk mengurangkan dan menghalang potensi *metastatic* (keupayaan sel kanser untuk merebak kepada organ badan yang lain) terhadap sel kanser payudara (Firdaus Romli et al. 2017).

Mekanisme air kencing unta menghalang sel kanser ialah dengan mendorong sel kanser membunuh dirinya sendiri (*apoptosis*) dan menyekat *mitosis* sel kanser. Di antara ciri utama sel kanser adalah keupayaannya untuk membahagikan dirinya dengan cepat (*mitosis*) dan dalam masa yang sama mampu mengekalkan dirinya semasa pembahagian tersebut. Maka, sangat penting bagi agen anti-kanser untuk mengurangkan dan menghentikan kitaran *mitosis* sel kanser selain mendorongnya ke dalam keadaan *apoptosis*. Jika tidak, sel kanser akan dapat mengatasi dan melawan agen anti-kanser hanya dengan bergantung kepada jumlah dan kuantitinya yang banyak sahaja (Firdaus Romli et al. 2017).

Ciri-ciri anti-kanser pada air kencing unta juga telah berjaya dibuktikan menerusi ujian menggunakan GC-MS (*gas chromatography-mass spectrometry*) dan ICP-MS (*inductively coupled plasma mass spectrometry*). Ia menunjukkan bahawa wujud *metabolites* seperti *canavanine* di dalam air kencing unta yang kandungannya lebih

tinggi berbanding haiwan mamalia yang lain. *Canavanine* merupakan hasil metabolisme asid amino dan urea yang agak poten dalam melawan sel tumor (Hany S. Mahmoud, Wael M. Elsaed & Sami A. Gabr, 2019; Syed Rizwan Ahamad et al. 2017). Didapati juga kurangnya urea dan ammonia di dalam air kencing unta yang menyebabkan air kencingnya tidak berbau busuk dan tidak bertoksik kepada manusia (Read, B. E., 1925).

Kajian juga mendapati air kencing unta mampu bertindak sebagai antiplatelet yang berfungsi seakan ubat antiplatelet konvensional seperti *aspirin* dan *clopidogrel* (Alyahya, A.M., Abdel Gader, A.G.M. & Alhaider, A.A., 2016). Antiplatelet menghalang platelet darah daripada berkumpul dan membentuk darah beku. Justeru, air kencing unta juga boleh digunakan dalam merawat penyakit kardiovaskular. (Alhaider A, Abdel Gader AG, Mousa SA, 2011).

Analisis menggunakan *genotoxic bioassays* secara *in-vivo* dan *in-vitro* serta *primary spermatocytes* (PS) juga dilakukan oleh kumpulan Anwar et al. (2021) dan didapati kesan klastogenik yang menghasilkan kanser tidak ditemui dalam air kencing unta. Bahkan, air kencing unta terbukti merupakan agen anti klastogenik yang agak signifikan dan berkesan. Di samping itu, tiada sebarang risiko kewujudan *genetic toxicity* dalam kaedah tradisional menggunakan air kencing unta sebagai terapi dan rawatan penyakit. Kumpulan penyelidik ini mencadangkan agar kajian lanjutan perlu dilakukan untuk menghasilkan ubat daripada air kencing unta (Anwar et al. 2021).

Secara keseluruhannya berdasarkan kepada kajian bersifat *scoping review* yang dilakukan oleh N. Salamt et al. (2021) yang menapis pelbagai artikel berkaitan air kencing unta mendapati bahawa wujud 6 artikel yang berwibawa yang mengkaji tentang peranan air kencing unta secara *therapeutic* yang menunjukkan bahawa paling kurang air kencing unta mempunyai 4 manfaat utama dalam perubatan iaitu anti kanser, anti platelet, agen *gastroprotective* dan juga *hepatoprotective* yang kesemuanya memberi indikasi bahawa air kencing unta mempunyai peluang yang besar untuk dioptimumkan sebagai terapi khususnya terhadap penyakit kanser. Namun demikian, kajian tersebut mencadangkan sebelum ia diterima sebagai perubatan alternatif, dos yang standard perlu ditentukan terlebih dahulu kerana kajian-kajian sains berkaitan hal ini tidak bersepakat terhadap jumlah dos tersebut.

Dari perspektif yang lain, berbanding air kencing unta, susu unta telah dikaji dengan lebih ekstensif. Kajian terhadap manfaat susu unta diperakui mempunyai pelbagai manfaat perubatan (Khan M.Z. et al., 2021; Krishnankutty, R., et al., 2018; Badawy, A. A., El-Magd, M. A., & AlSadrah, S. A., 2018). Malah, satu kajian menyebutkan bahawa air kencing dan susu unta lebih efektif daripada ubat dadah yang biasa dan

sangat sesuai dipertimbangkan untuk merawat penyakit ulser peptik pada masa hadapan (Hu, Z., et al., 2017).

Walau bagaimanapun, baru-baru ini wujud penyakit baharu yang menyerang manusia dan dikenal pasti mempunyai hubungan dengan unta. Sejak pertama kali ditemui pada tahun 2012 di Arab Saudi dan Jordan, pakar perubatan telah mengenal pasti bahawa unta merupakan hos (*reservoir*) kepada wabak berjangkit yang dinamakan *Middle East respiratory syndrome coronavirus* (MERS-CoV). Kaedah penyakit ini tersebar ialah melalui hubungan rapat (*close contact*) secara langsung atau tidak langsung dengan unta dan dengan pesakit lain yang tertimpa penyakit ini

Mers-CoV merupakan penyakit virus zoonotik yang tersebar daripada haiwan kepada manusia. Penyakit ini dikesan tidak mempunyai mudarat kepada unta itu sendiri namun setelah ia menjangkiti manusia kesannya agak berat. Dianggarkan sebanyak 35% daripada keseluruhan kes yang menimpa manusia telah menyebabkan kematian. Setakat ini 27 negara sudah dikesan wujud penyakit ini. Kaedah, proses atau mekanisme penularannya daripada haiwan kepada manusia masih belum dapat dikenal pasti secara tepat (M. Ezhilan, I. Suresh, N. Nesakumar, 2021). Justeru, buat masa ini WHO menyarankan agar sebarang urusan berkaitan dengan unta dielakkan (WHO, 2019).

Dari segi pengamalan khususnya di Timur Tengah, semakin ramai pesakit yang meminum air kencing unta sebagai perubatan dan rawatan alternatif terhadap kanser, namun kebanyakannya tidak melaporkan atau berbincang terlebih dahulu dengan doktor mereka. Hal ini tidak disarankan oleh pakar perubatan kerana air kencing unta sering dikaitkan dengan penyakit *Brucellosis* selain daripada Mers-CoV (Jazieh, A. R., et al., 2021; Abuelgasim, K. A. et al., 2018).

PERBINCANGAN

Dari sudut saintifik, data-data yang dipersembahkan di atas membuktikan air kencing unta mempunyai elemen penyembuhan penyakit. Maksudnya air kencing unta diperakui secara saintifik mempunyai kesan positif dari sudut perubatan. Hal ini sekali gus membuktikan saranan Nabawi terhadapnya sememangnya benar. Rasulullah SAW mengetahui elemen penyembuhan penyakit yang wujud dalam air kencing unta melalui wahyu. Sains sekadar mempersembahkan data-data saintifik terhadap kebenaran tersebut.

Namun demikian, kajian-kajian saintifik ini masih belum mencukupi bagi mempersembahkan bukti yang konkrit untuk ia digunakan dalam perubatan moden. Kebanyakan kajian yang mengkaji perkara ini masih di peringkat awal, bersifat *in vivo* dan *in vitro*, kajian terhadap sel haiwan dan lain-lain serta masih tidak melibatkan

manusia dalam skala yang besar. Justeru, kajian saintifik yang ekstensif perlu dilakukan secara berterusan dan meluas bagi memastikan ia benar-benar boleh diamalkan dan memberikan kesan positif dari sudut perubatan seperti kajian *Evidence-based Medicine* yang menggunakan *randomised controlled trials* (RCT) yang diuji kepada manusia dan *meta-analysis* yang melibatkan kajian RCT dan sebagainya (Patricia B. Burns, Rod J. Rohrich, and Kevin C. Chung, 2012).

Dari sudut hukum fiqh pula, sebagai agama yang selari dengan fitrah manusia dan berdasarkan kekuatan dalil, maka pengamalan meminum air kencing unta perlu diikat dalam kerangka kefahaman bahawa air kencing unta adalah najis. Ini bermakna penggunaannya sebagai kaedah rawatan hanya dibenarkan dalam keadaan darurat sahaja. Kaedah dalam Fiqh Perubatan ialah tidak dibenarkan berubat dengan perkara yang haram dan najis melainkan dalam situasi darurat seperti ketiadaan ubat halal yang lain (Mat Abdullah & Mohd Kashim, 2018).

Tambahan pula, saranan untuk berubat dengan meminum air kencing unta – malah mana-mana saranan *Ṭibb Nabawī* sekalipun – adalah mengikuti *maṣlahah* yang dimaksudkan dengannya atau yang wujud padanya. Sekiranya *maṣlahahnya* tidak tercapai malah sebaliknya bakal mendatangkan *mafsadah*, maka air kencing unta haram diminum. Dalam erti kata lain, hadis *Ṭibb Nabawī* yang berkaitan perubatan fizikal perlu diklasifikasikan sebagai nas yang mengikuti *maṣlahah*. Ia tidak sepatutnya diamalkan secara langsung (*direct*), literal atau secara mutlak dengan alasan ia disebutkan dalam al-Quran dan Hadis.

Pada waktu yang sama, perkara ini tidak boleh difahami bahawa saranan Nabi SAW bakal mengundang *mafsadah*. Ini kerana apa yang disebutkan oleh Nabi SAW hanya berlaku secara kebanyakan masa, bukan setiap masa. Hal ini disebutkan oleh al-Syāṭibī (1997) tentang madu lebah. Apabila fakta sains perubatan memperakui bahawa madu tidak sesuai bagi orang yang terkena penyakit kuning, ia tidak menafikan kenyataan al-Quran (*tanāqud*) bahawa madu itu menyembuhkan.

Dengan demikian, walaupun al-Quran menyebutkan pada madu itu mempunyai penyembuh, pendapat pakar perlu dirujuk terlebih dahulu. Ini kerana ia tidak menjadi penyembuh dalam setiap masa, perkara dan keadaan. Ia hanya disebutkan secara *kullī*, dan tidak semestinya wajib berlaku pada setiap keadaan (*juz’ī*). Dalam sesetengah situasi, boleh wujud pelbagai perkara mendatang yang menyebabkan kemudaratan dengan mengambil madu.

Contohnya pada zaman ini pakar perubatan tidak menggalakkan untuk memberikan madu kepada bayi yang berumur kurang setahun kerana hal ini boleh mengakibatkan kemudaratan penyakit kepadanya. Penyakit ini dipanggil *Infant Botulism* yang kerap menyerang kanak-kanak yang berumur kurang setahun memandangkan sistem imun

badan mereka masih tidak dapat melawan bakteria *Clostridium Botulinum* yang terdapat pada madu. Mengambil langkah berhati-hati dengan tidak menyuap madu kepada kanak-kanak adalah lebih baik dan merupakan saranan pakar kerana kebanyakan kes yang dilaporkan adalah melibatkan pemberian madu kepada kanak-kanak (C. O. Abdulla et al., 2012).

Selain itu, penggunaan air kencing unta sebagai rawatan alternatif juga seharusnya dirujuk terlebih dahulu kepada pakar perubatan. Pesakit yang ingin menggunakan air kencing unta untuk merawat penyakitnya perlu berbincang dengan doktor sebelum mereka meminum air kencing unta. Ini kerana dikhuatiri jika tidak dilakukan sedemikian, masalah lain atau penyakit lain pula yang muncul. Doktor juga harus telus dan jujur dalam memberikan saranan sama ada pesakit mereka sesuai atau tidak diberikan rawatan alternatif tersebut. Justeru, para doktor juga amat penting untuk mengetahui segala permasalahan yang berkaitan dengan rawatan alternatif ini dari sudut hukum dan juga dari sudut saintifik.

Demikian juga, wujud pelbagai faktor lain seperti perbezaan zaman, tempat, situasi, realiti sebenar penyakit dan sebagainya yang menuntut perkara ini dirujuk kepada pakar perubatan sehingga jelas manfaat dan mudarat daripada pengamalannya. Ibn Hajar al-'Asqalānī (1422H) ketika mensyarahkan hadis riwayat al-Bukhārī yang bermaksud "*Habbatussauda* penyembuh bagi segala penyakit" menyebutkan "ia bermanfaat untuk penyakit yang sejuk sahaja, adapun penyakit yang panas, tidak!"

Dari perspektif lain, isu ini adalah contoh terbaik untuk menunjukkan pentingnya sains dioptimumkan untuk menyingkap hikmah di sebalik *Tibb Nabawī* dan pemakanan sunnah bagi mengetahui sama ada *maṣlahah* yang lebih ghalib atau sebaliknya *mafsadah* yang lebih dominan. Pendekatan literal dalam memahami perkara sebegini tidak merealisasikan Maqāṣid Syariah bahkan boleh menafikannya. Ini kerana manusia mempunyai tahap kesihatan yang tidak sama dan berbeza-beza.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, air kencing unta terbukti secara saintifik mempunyai pelbagai manfaat dari sudut perubatan. Bahkan ia turut dicadangkan untuk dijadikan rawatan alternatif kerana keberkesanannya dalam merawat penyakit tertentu. Pun begitu, pengambilan air kencing unta sebagai satu bentuk rawatan alternatif perlu dibincangkan terlebih dahulu bersama dengan pakar perubatan. Ia juga hanya boleh dijadikan rawatan apabila dalam keadaan darurat seperti ketiadaan atau ketidakberkesanan ubat halal yang lain dan sebagainya.

Selain itu, masih banyak penyelidikan saintifik terhadap air kencing unta harus dilakukan bagi memberikan hasil yang benar-benar meyakinkan. Penyelidikan yang

berterusan ini diperlukan bagi memastikan pengamalannya menghasilkan hikmah yang diinginkan iaitu aspek kesihatan dan tidak menyebabkan kemudaratan. Malah secara teori, jika kajian saintifik menunjukkan amalan meminum air kencing unta ataupun zat air kencing unta itu langsung tidak mempunyai sebarang manfaat perubatan, maka dalam keadaan darurat sekalipun ia tidak harus diminum kerana ia tidak mempunyai sebarang unsur penyembuhan dengan meminumnya.

Apatah lagi sekiranya kesan negatif pula yang timbul akibat meminumnya seperti mendapat penyakit MERS-CoV. Saranan Nabi SAW dalam isu-isu perubatan sebegini tertakluk kepada *maqāṣidnya* iaitu penyembuhan penyakit, maka sekiranya ia menjurus kepada *mafsadah* ia perlu ditanggihkan atau digantikan dengan alternatif lain. Begitu juga, ia perlu diamalkan dalam kerangka dan situasi darurat sahaja kerana air kencing unta tergolong dalam bahan najis.

Dalam pada itu, kaedah meminum air kencing unta secara langsung seperti yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat Arab hari ini bukanlah satu wasilah yang langsung tidak boleh diubah. Melalui kemajuan sains dan teknologi pada masa kini, elemen penyembuhan penyakit yang wujud di dalam air kencing unta dapat diekstrak sehingga pesakit tidak perlu meminum air kencing unta secara langsung bagi merawat penyakit, tetapi boleh diambil dalam bentuk lain seperti pil, ubat cecair dan sebagainya yang mengandungi elemen penyembuhan penyakit yang diekstrak daripada bahan asal. Ini merupakan perbincangan tentang konsep *istihālah*. Justeru, kajian untuk merealisasikan hal ini perlu dijalankan oleh saintis Muslim.

Berkenaan wabak penyakit berjangkit MERS-CoV pula, hakikatnya medium perantaraan daripada unta kepada manusia masih tidak dapat diketahui secara pasti walaupun unta sudah disahkan sebagai punca utama virus ini tersebar. Disebabkan hal ini, WHO sendiri menyarankan agar sebarang produk unta seperti daging dan susunya perlu disteril dan dimasak dengan sempurna sebelum dimakan. Ladang ternakan unta juga perlu dijaga dan dibersihkan dengan rapi dan berhati-hati. Sebarang sentuhan dengan unta perlu dibasuh tangan sebelum dan selepas menyentuh. Pesakit yang mempunyai penyakit kronik seperti diabetes, kegagalan buah pinggang dan penyakit paru-paru kronik perlu mengelakkan sebarang aktiviti melibatkan unta dengan lebih ketat (WHO, 2019).

RUJUKAN

- Abdulqader A.A, Abdel Galil M.A.G, Nawaf A, Sarita S. (2014). Camel Urine Inhibits Inflammatory Angiogenesis in Murine Sponge Implant Angiogenesis Model. *Biomedicine and Aging Pathology* 4(1), 9–16.
- Alhaider AA, El Gendy MA, Korashy HM, El-Kadi AO. (2011). Camel Urine Inhibits the Cytochrome P450 1a1 Gene Expression through an AhR-Dependent

- Mechanism in Hepa 1c1c7 Cell Line. *Journal of Ethnopharmacology* 133(1), 184–90.
- Abu Dawd. (t.t.). *Sunan Abī Dawd*. Beirut: Maktabah al-‘Aşriyyah.
- Abuelgasim, K. A., Alsharhan, Y., Alenzi, T., Alhazzani, A., Ali, Y. Z., & Jazieh, A. R. (2018). The Use Of Complementary And Alternative Medicine By Patients With Cancer: A Cross-Sectional Survey In Saudi Arabia. *BMC Complementary And Alternative Medicine* 18(1), 88.
- Aḥmad al-Raysūnī. (1992). *Naẓariyyah al-Maqāşid ‘inda Imām al-Shāṭibī*. t.tp.: al-Dār al-‘Alamiyyah li al-Kitāb al-Islāmiy, cet.2.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. (1422H). *Faḥ al-Bārī Syarḥ Şaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Alhaidar A, Abdel Gader AG, Mousa SA. (2011). The Antiplatelet Activity Of Camel Urine. *J Altern Complement Med*. 17(9), 803-8.
- Al-Ḥukmī, Ali bin Abbās. (1994). Ḥaḳīqah al-Khilāf fī al-Ta‘līl bi al-Ḥikmah wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmiy. *Majallah Jami‘ah Umm al-Qura* 9(7).
- Al-Kāsānī, Abu Bakar bin Mas‘ūd. (2004). *Badā‘ī‘ al-Şanā‘ī‘ fī Tartīb al-Syarā‘i‘*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Nusaymī, Maḥmūd Nāzim. (1984). *Al-Ṭibb al-Nabawī wa al-‘Ilm al-Ḥadīth*. Damsyiq, al-Syarikah Muttahidah li al-Tawzī‘.
- Al-Qaraḍāwī. Yūsuf. (2002). *Kayfa Nata‘amal ma‘a al-Sunnah al-Nabawiyah*. Qāherah: Dār al-Syurūq, cet.2.
- Al-Syarbīnī, Muhammad Khaṭīb. (2006). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Syāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā. (1997). *Al-Muwāfaqāt*. t.tp.: Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. (2008). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Amanat Ali, Bincy Baby, and Ranjit Vijayan. (2019). “From Desert to Medicine: A Review of Camel Genomics and Therapeutic Products. *Frontiers in Genetics* 10(17), 1–20.
- Asma M. Alyahya, Abdel Galil M. Abdel Gader & Abdulqader A. Alhaider. (2016). Characterization of Inhibitory Activity of Camel Urine on Human Platelet Function. *Journal of Taibah University Medical Sciences* 11(1), 26–31.
- Badawy, A. A., El-Magd, M. A., & AlSadrah, S. A. (2018). Therapeutic Effect of Camel Milk and Its Exosomes on MCF7 Cells In Vitro and In Vivo. *Integrative Cancer Therapies* 17(4), 1235–1246.
- Abdulla, C.O., Ayubi, A., Zulfiquer, F., Santhanam, G., Ahmed, M.A., & Deeb, J. (2012). Infant Botulism Following Honey Ingestion. *BMJ case reports* 3-5.
- F. Arif, A. A. Ab Rahman, K. N. Abdul Maulud and A. H. Kamaludin. (2019). “Debunking Flat Earth: From Geomatics Perspective.” *6th International Conference on Space Science and Communication (IconSpace)*, 150-153.

- Faten Khorshid. (2008). Preclinical Evaluation of PM 701 in Experimental Animals. *International Journal of Pharmacology* 4(6), 443–51.
- Romli F, Abu N, Khorshid FA, Syed Najmuddin SUF, Keong YS, Mohamad NE, Hamid M, Alitheen NB, Nik Abd Rahman NMA. (2017). The Growth Inhibitory Potential and Antimetastatic Effect of Camel Urine on Breast Cancer Cells In Vitro and In Vivo,” *Integrative Cancer Therapies* 16(4), 540–55.
- Hany S. Mahmoud, Wael M. Elsaed and Sami A. Gabr. (2019). Camel Urotherapy and Hepatoprotective Effects Against Carbon Tetrachloride-induced Liver Toxicity. *International Journal of Pharmacology*, 15: 696-705.
- World Health Organization. Middle East respiratory syndrome coronavirus (MERS-CoV). 20 Desember 2019. <https://www.who.int/features/qa/mers-cov/en/> diakses pada 28.1.2021.
- Hu, Z., Chang, X., Pan, Q., Gu, K., & Okechukwu, P. N. (2017). Gastroprotective and Ulcer Healing Effects of Camel Milk and Urine in HCl/EtOH, Non-steroidal Anti-inflammatory Drugs (Indomethacin), and Water-Restraint Stress-induced Ulcer in Rats. *Pharmacognosy magazine* 13(52), 559–565.
- Ibn al-Azraq, Ibrāhim bin Abd al-Raḥmān. (t.t.). *Tashīl al-Manāfi’ fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmah al-Musytamil ‘alā Syifā’ al-Ajsam wa Kitāb al-Raḥmah*. Qāherah: Maktabah Hamidiyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t.). *Ṭibb al-Nabawī*, Beirut: Dār al-Hilāl.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1994). *Zād al-Ma’ād fī Hadiy Khayr al-‘Ibād*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Ibn Taimiyyah. (1995). *Majmū‘ al-Fatāwā*. Arab Saudi: Majma‘ al-Malik Fahad.
- Jazieh, A. R., Abuelgasim, K. A., Ardah, H. I., Alkaiyat, M., & Da’ar, O. B. (2021). The trends of complementary alternative medicine use among cancer patients. *BMC Complementary Medicine And Therapies*, 21(1), 167.
- Khan MZ, Xiao J, Ma Y, Ma J, Liu S, Khan A, Khan JM, Cao Z. (2021). Research Development on Anti-Microbial and Antioxidant Properties of Camel Milk and Its Role as an Anti-Cancer and Anti-Hepatitis Agent. *Antioxidants (Basel)* 10(5), 788.
- Krishnankutty, R., Iskandarani, A., Therachiyil, L., Uddin, S., Azizi, F., Kulinski, M., Bhat, A. A., & Mohammad, R. M. (2018). Anticancer Activity of Camel Milk via Induction of Autophagic Death in Human Colorectal and Breast Cancer Cells. *Asian Pacific Journal Of Cancer Prevention* 19(12):
- Madeshwari Ezhilan, Indhu Suresh, Noel Nesakumar. (2021). SARS-CoV, MERS-CoV and SARS-CoV-2: A Diagnostic Challenge. *Measurement* 168.
- Mohd Anuar Ramli, Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi, Noor Fahimah Mohd Razif. (2019). Autoriti Kerajaan Dalam Mewajibkan Vaksinasi Kanak-kanak: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam. *Umran – International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(2), 21 – 35.

- Mohd Daud Bakar. (2021). *The Face and Voice of Shariah: Embedded with Data Analytics & Artificial Intelligence*. Kuala Lumpur: Amanie Media.
- Mu'adh Abd al-Kabir Nani. (2019). *Athar al-Ta' lil bi al-Maṣlahah fi al-Tashri' al-Islami: Dirāsah Naẓariyyah Taṭbīqiyyah*. Riyād: Maktabah al-Rushd.
- Muslim bin Ḥajjāj. (t.t.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī.
- Norizam Salamt, Ruszymah Haji Idrus, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Mohd Helmy Mokhtar. (2021). Anticancer, Antiplatelet, Gastroprotective and Hepatoprotective Effects of Camel Urine: A Scoping Review. *Saudi Pharmaceutical Journal* 29, 740-750.
- Norkumala Awang. *Makanan Sunnah dan Trend Penyakit*. IKIM. 20.2.2020 disiarkan di <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2020/02/20/makanan-sunnah-dan-trend-penyakit/>.
- Nujoud Al-Yousef, Ameera Gaafar, Basem Al-Otaibi, Ibrahim Al-Jammaz, Khaled Al-Hussein, Abdelilah Aboussekhra. (2012). Camel Urine Components Display Anti-Cancer Properties in Vitro. *Journal of Ethnopharmacology* 143(3), 819–25.
- Nurul Aiman Mat Abdullah & Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim. (2018). Rawatan Menggunakan Air Kencing Unta Menurut Perspektif Islam dan Sains. *Fikiran Masyarakat* 6(3), 129-135.
- Omar Hasan Kasule. (2006). *Prophetic Medicine*. Diakses pada pautan <http://omarkasule-04.tripod.com/id971.html>.
- Patricia B. Burns, Rod J. Rohrich, and Kevin C. Chung. (2012). The Levels of Evidence and Their Role in Evidence-Based Medicine. *Plast Reconstr Surg* 128(1), 305–310.
- Raid Nasri Jamil Abu Mounes. (2007). *Manhaj al-Ta' lil Bi al-Hikmah wa Atharuhu fi al-Tashri' al-Islamiy*. Herndon: Ma'had al-'Alami li Fikr al-Islamiy.
- Read, B. E. (1925). Chemical Constituents of Camel's Urine. *J. Biol. Chem* 64, 615-617.
- Ridzwan Ahmad. (2008). Permasalahan Ta' lil Al-Ahkam Sebagai Asas Penerimaan Maqasid Al-Shari'ah Menurut Ulama Usul. *Jurnal Fiqh* 5, 169–195.
- Sharaf Qudāh. (2002). Hal Aḥādīth al-Ṭibb al-Nabawī Waḥyun? *Majallah Mu'tah, Jāmi'ah Mu'tah*.
- Sirajudheen A., Siddique A.A., Abdul Wahab A., Abdul Hakeem A., Aali Alqarni, Saleh A., Mohamed E.W., Akbar A., Kannan R.R.R. (2021). Clastogenic, Anti-Clastogenic Profile and Safety Assessment of Camel Urine Towards the Development of New Drug Target. *Food and Chemical Toxicology* 151.
- Ahamad SR, Alhaider AQ, Raish M, Shakeel F. (2017). Metabolomic and Elemental Analysis of Camel and Bovine Urine by GC-MS and ICP-MS. *Saudi Journal of Biological Sciences* 24(1), 23–29.

Zahraa Alghamdi and Faten Khorshid. (2012). Cytotoxicity of the Urine of Different Camel Breeds on the Proliferation of Lung Cancer Cells, A549. *Journal of Natural Sciences Research* 2(5), 9–16.